

TARIAN TRADISIONAL NEGERI PAHANG:
ZAPIN RAUB

NURUL HANANI BINTI AL-AMIR MAHMUD KHALIL
C18A0355

UNIVERSITI

MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022
KELANTAN

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Tarian Tradisional Negeri Pahang:
Zapin Raub

Nurul Hanani Binti Al-Amir Mahmud Khalil
C18A0355

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

2022

FTKW

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972


TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhak seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:



Tandatangan



Tandatangan Penyelia

TARIKH: 26.2.2022

NAMA: Raja Iskandar Bin Raja Halid

TARIKH: 26.2.22

ETKWW

PENGHARGAAN

Assalamualaikum, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi kekuatan fizikal dan mental sepanjang saya menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Saya Nurul Hanani Binti Al-Amir Mahmud Khalil ingin melafazkan kesyukuran yang tidak terhingga ke atas segala anugerah-Nya dan izin-Nya membolehkan saya menyiapkan dan menyempurnakan Projek Penyelidikan ini. Walaupun terdapat pelbagai rintangan yang berlaku sepanjang perjalanan untuk menyiapkan Projek Penyelidikan ini akhirnya dapat disiapkan dengan sempurna. Alhamdulillah.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia bagi Projek Penyelidikan saya iaitu Dr. Raja Iskandar Bin Raja Halid kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya sehingga saya dapat menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibubapa saya yang telah banyak memberi sokongan dan doa serta telah memberi bantuan dari segi kewangan dalam menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Encik Hamzah Alias atau lebi dikenali dengan gelaran Tok Mezah kerana sudi di temu ramah dan memudahkan kerja saya untuk menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dengan memberi pandangan dan cadangan untuk menyiapkan Projek Penyelidikan ini.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	i
	ISI KANDUNGAN	ii
	ABSTRAK	iii
	ABSTRACT	iv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 PENGENALAN	1
	1.2 PENYATAAN MASALAH	4
	1.3 OBJEKTIF KAJIAN	4
	1.4 PERSOALAN KAJIAN	5
	1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	6
	1.6 BATASAN KAJIAN	7
	1.7 SKOP KAJIAN	8
2	SOROTAN KAJIAN	9
	2.1 PENGENALAN	9
	2.2 DEFINISI KONSEP	10
	2.2.1 Tari, Tarian	10
	2.2.2 Tradisional	10
	2.2.3 Zapin	10
	2.3 SENI PERSEMBAHAN	11

2.4	GENRE SENI PERSEMBAHAN	11
2.5	TARIAN ZAPIN	11
3	METODOLOGI KAJIAN	13
3.1	PENGENALAN	13
3.2	UNIT ANALISIS	14
3.2.1	Teknik Analisis Data	15
3.2.2	Rekabentuk Kajian	15
3.3	TEKNIK PENGUMPULAN DATA	16
3.3.1	Kaedah Dokumentasi	16
3.3.2	Kaedah Kepustakaan	16
3.3.3	Temubual	16
4	DAPATAN KAJIAN	20
4.1	PENGENALAN	20
4.2	HASIL DARI TEMUBUAL	21
4.2.1	Latar Belakang Informan	21
4.2.2	Sejarah dan Asal-usul Tarian Zapin Raub	22
4.2.3	Perbezaan di antara Zapin Johor dan Zapin Raub	25
4.2.4	Keistimewaan gerak tari tarian Zapin Raub	36
5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	42
5.2	CADANGAN	42
5.2.1	Memperluaskan kawasan kajian	43

5.2.2 Pengaruh Media Massa	43
5.2.3 Mengadakan Seminar atau Bengkel	44
5.3 KESIMPULAN	45
RUJUKAN	48
LAMPIRAN A	50

ABSTRAK

Tarian tradisional merupakan sejenis seni gerak yang terdapat gerakan tubuh badan dan mempunyai unsur-unsur kelembutan dan keindahan. Di Negeri Pahang terdapat seni persembahan tradisional yang dikenali sebagai Tarian Zapin Raub. Tarian Zapin Raub ini memaparkan cara hidup dan adat resam masyarakat Pahang pada zaman dahulu dan telah diadaptasi menjadi sebuah bentuk tarian. Permasalahan wujud apabila masyarakat kini kurang mengenali tarian ini. Hal ini menyebabkan warisan budaya ini hampir mengalami kepupusan oleh kerana kekurangan pelapis atau perintis. Selain itu, ketiadaan perekodan secara bertulis berkaitan Zapin Raub ini menyukarkan generasi masa kini untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang kesenian kebudayaan ini. Terdapat tiga objektif untuk kajian ini iaitu, mengenalpasti sejarah dan asal usul tarian Zapin Raub, menganalisis perbezaan di antara Zapin Johor dan Zapin Raub dan mengkaji keistimewaan gerak seni tari di dalam tarian Zapin Raub. Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk kajian ini adalah secara premier dan sekunder. Pengkaji berharap tarian Zapin Raub ini boleh diperkembangkan dan diteruskan oleh generasi yang akan datang bagi mengelakkan tarian ini pupus di telan zaman.

Kata kunci: Seni Persembahan, Tarian Tradisional, Tarian Zapin

ABSTRACT

Traditional dance is a type of movement art in which there is body movement and has elements of softness and beauty. In the State of Pahang, there is a traditional performing art known as the Zapin Raub dance. This Zapin Raub dance displays the way of life and customs of the Pahang people in ancient times and has been adapted into a form of dance. Problems exist when society is now less familiar with this dance. This has caused this cultural heritage to almost become extinct due to a lack of upholstery or pioneers. In addition, the lack of written recordings related to Zapin Raub makes it difficult for the current generation to know more about the art of this culture. There are three objectives for this study, namely to identify the history and origins of Zapin Raub dance, analyse the differences between Zapin Johor and Zapin Raub, study the specialty of dance moves in Zapin Raub dance. The research methods used for this study were primary and secondary. Researchers hope that this Zapin Raub dance can be developed and continued by future generations to prevent this dance from becoming extinct in time.

Keywords: Performing arts, Traditional dance, Zapin dance.

BAB 1

TARIAN TRADISIONAL NEGERI PAHANG: ZAPIN RAUB

1.1 Pengenalan

Tarian merupakan sebuah elemen di dalam seni persembahan Melayu. Hal ini berkait rapat dengan tajuk kajian iaitu berkaitan Tarian Zapin Raub yang sinonim dengan keunikannya. Maksud seni yang umum ialah sesuatu yang menarik, halus dan cantik. Kebiasaannya berasal dari bakat atau kecekapan seseorang. Seni sering dikaitkan dengan kecantikan dan keindahan walaupun wujud seni yang tidak memberikan rasa indah kepada pengamatnya, disini terletak daya tarikan seni itu sendiri di dalam keupayaannya menimbulkan pelbagai rasa tafsiran fikiran dan soalan (Rahmah Bujang, 2004).

Seni Melayu sama ada seni persembahan mahupun seni rupa merupakan seni mendokong falsafah kemelayuan yang menggambarkan jiwa budayanya, memaparkan alamnya dan memanifestasikan nilai estetikanya yang tersendiri. Selain itu, seni Melayu juga dinisbahkan kepada seni yang terhasil di kawasan berbudaya Melayu dari Madagascar di Barat hingga Taiwan di Timur, dari IndoChina di Utara hinggalah ke Kepulauan Indonesia di Selatan tanpa menafikan wujudnya faktor difusi atau asimilasi kebudayaan atau pencetusan karya yang serentak dan sama dari budaya yang berbeza. (Rahmah Bujang, 2004).

Di dalam konteks masyarakat Melayu, kesenian persembahan akan menjadi terkawal di bawah kebudayaan Melayu yang dinaungi oleh kepercayaan di dalam masyarakat tersebut. Salah seorang ahli sarjana Barat iaitu Herbert Read di dalam bukunya yang bertajuk *The Meaning of Art* telah mendefinisikan seni sebagai sebuah usaha bagi menciptakan sesuatu yang menyeronokkan. Bentuk-bentuk yang menyeronokkan ini akan menyenangkan pancaindera manusia yang ingin melihat atau merasai kecantikan. Seni diulas sebagai sesuatu yang boleh menimbulkan rasa kepuasan diri serta melahirkan rasa keindahan yang telah ada di dalam diri manusia. Tari Melayu dapat diberi atas beberapa bahagian kelompok besar. Ini disebabkan oleh pembahagian sejarah dan fungsi sesebuah seni persembahan yang luas di rantau ini. Namun bagi kegunaan di dalam masyarakat ramai, fungsi asas utama memberikan kepada sifat-sifat yang sacral dan kepercayaan atas sesuatu aktiviti masyarakat tradisi Melayu. (Tengku Luckman Sinar, 1997).

Seni persembahan meliputi hampir semua kejadian dan kegiatan masyarakat terutamanya yang mengandungi tatacara dan struktur yang jelas. Sebagai contoh majlis perasmian, majlis pengiktirafan dan majlis kenduri kendara ianya tergolong sebagai seni persembahan. Terdapat tiga bentuk yang penting di dalam penyusunan genre iaitu muzik, lakon dan seni tari. (Rahmah Bujang, 2004). Di dalam skop kajian tarian Zapin Raub ini, pengkaji menekankan ketiga-tiga bentuk dari segi ensemble muzik Zapin Raub, seni tari Zapin Raub dan kisah dibalik tarian ini. Selain itu, kajian ini juga berkaitan dengan isu pemuliharaan tarian Zapin Raub ini sebagai sebuah kesenian persembahan Negeri Pahang.

Terdapat pelbagai jenis tarian Zapin di Malaysia ini. Antara tarian zapin yang popular dan dikenali ramai ialah Zapin Johor. Ramai yang tidak mengetahui bahawa di negeri Pahang juga terdapat tarian zapin iaitu tarian Zapin Pekan dan tarian Zapin Raub. Tarian ini makin dilupakan oleh masyarakat dan hampir pupus. Zapin Raub ini

merupakan sebuah seni tari yang pernah popular di Raub, Pahang suatu ketika dahulu. Zapin ini mula ditarikan pada tahun 1930-an. Tarian ini berasal daripada Kg. Durian Sebatang Raub, Pahang. Pengasasnya adalah Allahyarham Alias Bin Gek dan kini telah di ajar oleh anaknya Hamzah bin Alias atau lebih dikenali dengan panggilan Tok Mezah.

Selain itu, tarian ini juga mempunyai keunikannya yang tersendiri, tarian yang lemah gemalai dan penuh tertib ini sering dipersembahkan ketika upacara majlis perkahwinan bagi memeriahkan lagi majlis tersebut. Seni tari zapin ini lebih tenang dan tiada langkah lompatan yang tinggi kerana pada awalnya zapin ini ditarikan di ruangan yang sempit. Zapin ini mempunyai lagu yang khusus iaitu lagu Zapin Raub. Zapin ini mempunyai beberapa gerak tari yang tersendiri dan menjadikan ianya sebuah tari yang istimewa iaitu sembah tari, sembah tamu, teng-teng, bunga-bunga, langkah sendeng memikat, rentak kuda dan yang terakhir ialah jadi tak jadi.

Pada zaman dahulu kesenian zapin Melayu Johor bukan dipersembahkan hanya di anjung rumah atau halaman tetapi ianya juga di persekitaran surau dan masjid bagi menyambut Maulidur Rasul dan lain-lain. Terdapat beberapa jenis Zapin Johor di antaranya ialah zapin Pekajang, Tenglu, Lenga dan lain-lain. Zapin Melayu Johor pada kebiasaannya dimulakan dengan permainan gambus yang dinamakan sebagai Taksim, terdapat juga beberapa gerak tari di dalam tarian zapin ini iaitu Ragam Pusau Belanak Besar, Ragam Lompat Injut, Ragam Kopak, Ragam Titi Batang, Ragam Ayam Patah, Ragam Pusau Belanak Kecil dan yang terakhir adalah Ragam Wainap.

1.2 Penyataan Masalah

Setiap penyelidikan memerlukan permasalahan atau disebut penyataan masalah, ia bertujuan khusus untuk mencari jawapan sebenar. Permasalahan merupakan sebuah kesulitan yang menyebabkan penyelidik untuk menyelesaikannya. (Mahdzan Ayob, 2007). Permasalahan ialah halangan yang perlu dihadapi bagi menyelesaikan kajian ini. Permasalahan di dalam penyelidikan perlu memiliki ciri bagi pengkaji dapat membahaskannya bagi mendapatkan manfaat darinya.

Sebagai contoh, tajuk kajian pengkaji iaitu Tarian Tradisional Negeri Pahang: Tarian Zapin Raub. Pengkaji telah menyatakan permasalahan kajian seperti berikut:

- 1.2.1 Masalah kepupusan seni Persembahan tarian Zapin Raub.
- 1.2.2 Mengikut peredaran zaman generasi kurang berminat dengan tarian tradisional ini.
- 1.2.3 Tiada perekodan secara bertulis berkaitan Zapin Raub ini telah menyukarkan generasi masa kini untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang kesenian kebudayaan ini.
- 1.2.4 Kekurangan pelapis dan perintis dalam menyambung tarian ini menyebabkan Zapin Raub semakin tidak di kenali dan dilupakan.

1.3 Objektif Kajian

Objektif sesebuah penyelidikan merangkumi perkara-perkara yang ingin dilaksanakan atau dicapai di dalam sesebuah projek penyelidikan. Biasanya di dalam sesebuah penyataan matlamat, penyelidik akan menyebutkan objektif umum dahulu dan diiringi dengan objektif yang lebih khusus. Objektif umum ialah objektif yang

menyeluruh sifatnya, ia merangkumi objektif khusus. Ia boleh membentuk beberapa objektif khusus walaupun di dalam penulisan dimulakan dengan objektif umum.

Objektif kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk:

- 1.3.1 Mengenalpasti sejarah dan asal usul Tarian Zapin Raub.
- 1.3.2 Menganalisis perbezaan di antara Zapin Johor dan Zapin Raub.
- 1.3.3 Mengkaji keistimewaan gerak seni tari di dalam tarian Zapin Raub.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian tidak dimaksudkan dengan soal selidik. Persoalan kajian merupakan soalan yang akan dikemukakan oleh penyelidik bagi menjawab soalan pengkaji sendiri (setelah dianalisis data). Soalan bagi penyelidikan adalah sama kepentingannya dengan mencari jawapan kepada soalan lain. Penyelidik yang masih tidak dapat mengemukakan soalan dianggap belum memahami masalah yang dikaji. Oleh itu, dia tentu tidak dapat menyatakan objektif kajiannya dan mencari penyelesaiannya. (Mahdzan Ayob, 2007).

Antara persoalan kajian yang terdapat di dalam kajian tersebut adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Bagaimanakah sejarah dan asal usul tarian Zapin Raub?
- 1.4.2 Apakah perbezaan di antara Zapin Johor dan Zapin Raub?
- 1.4.3 Apakah keistimewaan gerak seni tari di dalam tarian Zapin Raub?

1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Individu:

Melalui kajian ini individu tersebut akan memperolehi ilmu pengetahuan yang baru dan maklumat yang lebih mendalam tentang latar belakang Tarian Zapin Raub dan masyarakat di Felda Tersang 2. Pengetahuan yang mendalam tentang Zapin Raub ini menyebabkan seseorang akan mendapat mengetahui keistimewaan, mendapat manfaat dan intisari pengajaran di dalam Tarian Zapin Raub ini.

1.5.2 Masyarakat:

Memperkenalkan Zapin Raub kepada masyarakat terutamanya golongan anak muda yang bakal mewarisi warisan budaya di Malaysia ini. Dalam meningkatkan ilmu pengetahuan, kajian ini juga bakal menjadi sebuah ilmu yang penting untuk generasi yang akan datang supaya mereka mempunyai rujukan secara lebih formal atau secara berilmiah kerana ianya mempunyai sumber kajian lepas. Pengkaji ingin mengubah perspektif masyarakat tentang pandangan mereka terhadap ilmu tarian yang dianggap tidak penting dan membuang masa jika mempelajarinya sedangkan ianya merupakan sebuah ilmu yang amat penting untuk dipelajari supaya tidak pupus begitu sahaja.

1.5.3 Institusi:

Natijahnya, kajian ini akan menjadi sumber rujukan dan akan dibukukan kepada orang ramai yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang fakta dan kewujudan Tarian Zapin Raub sebagai salah sebuah seni tarian tradisional di negeri Pahang. Hal seperti ini perlu diketengahkan bagi memberi ilmu pengetahuan kepada sesebuah institusi. Hal ini kerana hasil daripada kajian ini

akan diletakkan di perpustakaan atau di tempat yang berkaitan bagi simpanan dan menjadi sebuah rujukan tambahan bagi memudahkan pengkaji yang baru untuk membuat rujukan.

1.5.4 Negara:

Bahan rujukan seperti ini perlu ditempatkan di Perpustakaan Negara, Muzium, tempat pelancongan dan pelbagai lagi tempat yang berkaitan dengan kebudayaan dan sejarah masyarakat Felda Tersang 2 yang sinonim dengan dengan Tarian Zapin Raub. Ini bertujuan untuk menarik para pelancong asing untuk melihat keistimewaan warisan budaya negara Malaysia dan dapat menarik minat para pelancong untuk meneroka tempat-tempat pelancongan seperti kawasan yang mempunyai keistimewaan budaya seperti tarian Zapin Raub sebagai salah satu identiti masyarakat negeri Pahang khasnya di Felda Tersang 2 daerah Raub. Ini menyebabkan tempat tersebut akan menjadi lebih terkenal dan dapat menjadi tempat tarikan pelancong untuk mengunjunginya.

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah penghadan untuk melakukan sesebuah kajian. Batasan kajian ini berkait rapat dengan objektif penyelidikan, sumber kewangan dan bekalan tenaga manusia serta masa yang ditetapkan bagi menjalankan tinjauan itu. (Mahdzan Ayob, 2007).

Fokus utama pengkaji untuk kajian ini tertumpu kepada Tarian Zapin Raub di Felda Tersang 2, Raub Pahang. Kajian ini melibatkan dua orang iaitu pengkaji dan rakan pengkaji yang akan dijalankan pada bulan Ogos 2021. Kajian ini sedikit terbatas oleh kerana pengkaji hanya menggunakan telefon bimbit untuk merakam video temu bual bersama Encik Hamzah Alias atau Tok Mezah. Masa yang diambil untuk tiba di

tempat kajian lapangan ialah selama 1 jam 15 minit. Selain itu, masa yang ditetapkan untuk menyiapkan projek penyelidikan ini amat terhad yang membuatkan pengkaji tergesa-gesa untuk menyiapkannya. Wabak covid-19 ini juga merupakan sebuah batasan bagi pengkaji ingin menyiapkan projek penyelidikan ini oleh kerana tidak boleh merentas negeri.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian merupakan fokus utama di dalam sesebuah kajian yang ingin dijalankan berdasarkan beberapa perkara di dalam kajian yang memberikan hasil yang memuaskan kepada pengkaji. Di dalam kajian ini, fokus utamanya adalah tarian tradisional negeri Pahang: Zapin Raub.

Kajian yang dijalankan ini adalah bagi meneliti beberapa isu iaitu memperkenalkan kembali warisan budaya dari negeri Pahang yang hampir pupus iaitu di Felda Tersang 2, Raub yang telah diasaskan oleh Allahyarham Alias bin Gek dan sekarang telah diperturunkan kepada anak beliau iaitu Hamzah bin Alias atau lebih dikenali sebagai Tok Mezah.

Seterusnya, pengkaji telah memilih skop kumpulan tarian dari Raub yang telah bergiat aktif di dalam tarian Zapin Raub ini iaitu kumpulan Seraub emas Segenggam Warisan yang diasaskan sendiri oleh Encik Hamzah bin Alias bagi memelihara tarian ini dan untuk mendapatkan perintis atau pelapis supaya tidak pupus di telan arus zaman kemodenan yang serba canggih.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Masyarakat di dunia ini mempunyai nilai kesenian dan kefahaman hidup masing-masing. Masyarakat Melayu mempunyai bentuk keseniannya yang tersendiri. Secara umumnya kesenian terbahagi kepada dua iaitu seni persembahan dan seni rupa. Kedua-duanya melibatkan mentifak dan artifak yang lahir dari persekitaran hidup. Seni persembahan di dalam Tarian Zapin Raub mengungkapkan bentuk kesenian yang tersendiri dan mempunyai nilai estetika yang tinggi.

Menurut Rahimidin (2011), perkataan seni seringkali dikaitkan dengan sesuatu yang indah. Seni merupakan sesuatu yang meliputi aktiviti dan hasil karya seseorang mahupun kumpulan yang dilihat sebagai sesuatu yang berseni dan indah atau disebut sebagai kreatif bagi semua kaum yang ada di dunia ini. Perubahan zaman telah menyaksikan bagaimana seni mula dianggap sebagai sebuah luahan hati manusia dan dikenali sebagai keunggulan daya cipta manusia. Hasil seni yang di inspirasi oleh individu yang juga dikenali sebagai ahli seni atau seniman merupakan salah satu perantara buat mereka meluahkan dari segi idea, apa yang dirasakan, kepercayaan atau perasaan dengan cara yang terbaik.

Keadaan ini telah menjadikan hasil seni sebagai sesuatu yang sukar ditafsir dan mempunyai nilai kecantikan atau estetika yang tersendiri. Ini menyaksikan bagaimana

seseorang yang mempunyai pendapat yang tersendiri mengenai apa yang dianggap sebagai seni. Terdapat beberapa bidang seni yang dikenali sebagai seni muzik, seni tarian, seni teater, seni penulisan dan seni halus. Persembahan pula bermaksud sesuatu yang dipersembahkan kepada khalayak dengan tujuan untuk memberikan hiburan.

2.2 Definisi Konsep

2.2.1 Tari, tarian:

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru cetakan keempat (1993) tari, tarian bermaksud gerakan badan, tangan dan kaki yang berirama dan biasanya diiringi dengan bunyi-bunyian: satu pertunjukan.

2.2.2 Tradisional

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat Tradisional berkaitan dengan, bersifat atau mengikut tradisi: dalam kesusasteraan lama gaya bahasa dan teknik bercorak ~: masyarakat ~ masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang turun-temurun: ketradisional keadaan atau sifat yang tradisional: ~ nya itulah yang dipuji dan dipuja oleh orang asing.

2.2.3 Zapin

Perkataan zapin berasal dari Arab iaitu (Zafn) yang bermaksud pergerakan kaki yang cepat mengikut irama muzik. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat zapin merupakan tarian yang berasal dari Tanah Arab iaitu Yaman.

2.3. Seni Persembahan

Menurut Rahmah Bujang (2004), menyatakan pengertian seni persembahan berdasarkan Schechner iaitu seni persembahan merangkumi semua kejadian dan kegiatan di dalam masyarakat, terutamanya yang mengandungi struktur dan tatacara yang jelas. Contohnya dari segi budaya iaitu majlis perasmian, majlis pengiktirafan dan kenduri-kendara tergolong sebagai seni persembahan. Sama seperti permainan rakyat, pertandingan dan majlis kesukanan. Bagi Schechner perayaan berkaitan Hari Kebangsaan, sambutan perayaan dan perarakan fesyen merupakan persembahan yang terisi dengan struktur dan tatacara yang jelas.

2.4 Genre Seni Persembahan

Seni persembahan terdiri daripada tiga buah genre iaitu muzik, seni tari dan lakon. Lakonan, tarian, nyanyian serta muzik merupakan sebuah genre yang dicipta sebagai sebuah pertunjukan secara langsung. Keberhasilan terletak pada keahlian, pencipta dan kebolehan selain terletak kepada sambutan dari penonton dengan pencapaian hasil daripada sesebuah persembahan tersebut (Rahmah Bujang, 2004).

Telah membahagikan fungsi tarian kepada enam kategori. Beliau menegaskan bahawa fungsi tarian sebagai sebuah aktiviti rekreasi, alat ritual keagamaan di samping memberi nilai-nilai estetika, kesan psikologi, gambaran kegiatan ekonomi dan juga berfungsi sebagai sebuah alat kesatuan bagi masyarakat (Anthony Shay, 1971).

2.5 Tarian Zapin

“Malaysia memang cukup terbuka kepada beberapa persembahan negara-negara luar untuk masuk menunjukkan seni persembahannya. Tetapi kefahaman mendalam akan

menjadi lebih baik dan ia hanya diperolehi dengan pendedahan yang terus di tempat bentuk seni persembahan itu bernafas” (Rahmah Bujang, 1996). Mengikut pernyataan berikut, dicontohkan bahawa bentuk dan gaya tari zapin yang dapat dibezakan antara gaya zapin Johor dan Sarawak. Walaupun kedua-duanya disebut zapin tetapi gaya tarinya amat berbeza. Perbezaan gaya persembahan ini akan lebih berkembang di negeri asal masing-masing, mengikut suasana dan persekitaran bagi keperluan aktiviti kesenian. Artikel ini menggunakan kaedah pemerhatian bagi mendapat data dan maklumat yang penting berkaitan dengan kajian yang telah dilakukan. Ia juga merangkumi kaedah kualitatif.

Di samping itu, “Tari-tarian berunsurkan Arab-Parsi tidak saja merebak di Melaka tetapi merata di seluruh kawasan. Dengan itu, tarian seperti zapin, hadrah dan gambus terus tersebar sebagai tarian rakyat yang popular” (Zainon Ismail, 1993). Seterusnya terus merebak ke seluruh negeri. Oleh itu, terdapat tarian zapin juga di negeri Pahang iaitu Zapin Raub dan Zapin Pekan.

Seterusnya, “Telah menelusuri sejarah dan gaya tari Melayu mengikut jenis tari zapin di alam Melayu ini. Iaitu bagi melihat sendiri bentuk struktur dan perkembangan ikonografi dari seluruh tarian zapin Melayu sebagai tarian rakyat di dunia Melayu” (Mohd Anis, 1993).

BAB 3

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan sebuah teknik dan kaedah bagi mereka bentuk, menganalisis dan mengumpul data supaya boleh menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesebuah rumusan. Metodologi bertujuan untuk pengkaji memahami dengan lebih mendalam tentang kaedah dan membuat huraian di dalam menelusuri proses yang sesuai di dalam menjalankan kajian.

Melalui kaedah ini terdapat pelbagai cara bagi mendapatkan maklumat di dalam menyiapkan kajian. Bahan informasi seperti artikel dan buku dapat dirujuk di dalam mencari bahan berkaitan tajuk dan melalui internet. Di dalam mendapatkan maklumat tentang kajian, ia juga boleh di perolehi melalui soal selidik, temubual, dokumentasi dan juga pemerhatian yang telah dibuat bagi mendapatkan sumber kajian.

Setiap informasi yang di kumpul akan di selidik semula dan di susun mengikut susunan supaya informasi yang diperolehi dapat mencapai objektif penyelidikan. Di dalam penulisan ini memerlukan penghuraian dan penelitian yang mendalam bagi kaedah metodologi.

Metodologi kajian merupakan sebuah kaedah yang digunakan oleh pengkaji di dalam melakukan sebuah kajian. Metodologi kajian juga di kenali sebagai kaedah kajian. Metodologi ialah sebuah perkataan yang berasal dari Yunani iaitu 'metodos' yang terdiri daripada dua suku kata iaitu 'metha' yang bermaksud melewati dan perkataan 'hodos'

bermaksud cara atau jalan. Secara kesimpulannya, metodologi bermaksud sebuah jalan yang dilalui bagi mencapai tujuan yang di ingini.

Metodologi merupakan sebuah perkara yang perlu ada di dalam setiap kajian yang ingin di lakukan. Kebiasaannya metodologi di lakukan ketika proses sesebuah kajian itu di jalankan ketika awal kajian sehingga ke akhir kajian di lakukan. Kebiasaannya, pengkaji akan melakukan penyelidikan dengan mencari maklumat tentang kajian yang akan dilakukan melalui kajian lapangan, pemerhatian, temubual, perekodan dan sumber perpustakaan.

3.2 Unit analisis

Pendekatan unit analisis ini digunakan bagi memberi panduan untuk melaksanakan kajian dengan tepat dan teratur. Unit analisis yang akan dilakukan meliputi kawasan kajian, aktiviti yang dilakukan dan juga individu yang terlibat. Kajian yang akan dijalankan melibatkan kawasan di Felda Tersang 2, Raub, Pahang. Di kawasan tersebut melibatkan orang yang mempunyai maklumat secara langsung tentang Zapin Raub dan juga kumpulan yang masih bergiat aktif di dalam tarian Zapin Raub ini. Melalui individu yang akan di temu bual akan berkongsi maklumat yang penting di dalam proses pengumpulan data.

Seterusnya, maklumat yang bakal diperoleh daripada informan yang bakal di temu bual di dalam aktiviti yang dilakukan seperti orang yang akan terlibat di dalam tarian Zapin Raub. Informan terbabit akan memberi maklumat melalui temu bual tersebut dengan menjawab segala persoalan berkaitan dengan objektif kajian seperti sejarah dan asal-usul tarian Zapin Raub, menganalisis perbezaan di antara Zapin Raub dan Zapin Johor dan mengkaji keistimewaan gerak seni tari Zapin Raub.

3.2.1 Teknik Analisis Data

Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Burn (1995) penggunaan penyelidikan kes yang menggunakan kaedah data kualitatif sangat sesuai kerana sesuatu kajian yang melibatkan individu, unit, kumpulan manusia, keluarga, masyarakat atau budaya. Selain itu, sebuah kajian kes harus memfokuskan terhadap subjek yang mempunyai kriteria yang ingin dikaji. Hal ini demikian kerana pada sesebuah kajian kes yang melibatkan kepada kajian tentang masyarakat, individu dan peristiwa di dalam lingkungan budaya lebih sesuai menggunakan kaedah seperti ini.

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah temubual bagi menjayakan kajian ini. Maklumat-maklumat yang dikumpul dianalisis dengan dibantu oleh kaedah kajian teks dan kajian pustaka. Kajian pustaka merupakan kaedah utama bagi memperoleh maklumat dan juga data.

3.2.2 Rekabentuk Kajian

Menurut Mulyan (2010), mengemukakan bahawa penelitian kualitatif ditandai dengan jenis-jenis pertanyaan yang diajukan. Kajian kualitatif yang dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang tepat berpandukan objektif yang dikaji.

Kajian dokumentasi merujuk kepada jurnal, artikel, tesis dan buku bagi mendapatkan informasi tentang Tarian Zapin Raub. Kajian temubual akan dijalankan di Kampung FELDA Tersang 2, Raub. Selain itu, individu yang mempunyai maklumat tentang tarian ini juga akan ditemubual agar informasi yang di kumpul akan bertambah maklumatnya. Temubual akan dijalankan secara tidak berstruktur iaitu secara tidak formal dan spontan. Hal ini membolehkan penemubual berbicara dengan lebih natural dan lebih terbuka mengenai tarian Zapin Raub ini.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

Kaedah ini akan diperoleh daripada kaedah wawancara, pemerhatian, soal selidik dan kaedah dokumentasi. Kebiasaannya bahagian pengumpulan data ini akan ditekankan pada bahagian temubual dan dokumentasi di dalam kajian yang bakal dikaji. Kajian ini menggunakan data secara kualitatif.

3.3.1 Kaedah Dokumentasi

Kaedah ini merupakan pengumpulan data yang diperoleh melalui dokumen-dokumen seperti internet, tesis, kertas kerja dan majalah. Kaedah ini amat membantu di dalam memudahkan kerja dalam pengumpulan data berdasarkan bahan yang ingin dikaji. Kaedah ini merupakan data sekunder. Kajian ini juga dilakukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan perpustakaan daerah Bentong.

3.3.2 Kajian Kepustakaan

Pengkaji menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan maklumat dan juga bahan-bahan rujukan di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan perpustakaan daerah Bentong. Tujuan pengkaji pergi ke perpustakaan tersebut adalah bagi mencari maklumat dan menambah ilmu pengetahuan tentang kajian yang bakal dijalankan. Buku-buku yang terdapat di perpustakaan banyak digunakan sebagai rujukan pengkaji. Selain itu, pengkaji dapat meneliti rencana dan majalah bagi mendapat pengetahuan asas mengenai latihan ilmiah.

3.3.3 Temubual

Kaedah ini merupakan sebuah teknik bagi mengumpul data yang melibatkan percakapan di antara dua orang atau lebih dan interaksi secara bersemuka. Antara teknik

yang digunakan untuk menemubual adalah teknik temubual berstruktur, teknik temubual separa struktur dan temubual secara tidak berstruktur.

Di dalam kaedah ini data-data yang diperoleh daripada teknik temubual secara tidak berstruktur iaitu temubual secara spontan dan terbuka. Temubual ini tidak menggunakan soalan di dalam skrip yang disediakan tetapi berlaku secara santai dan spontan. Hal ini bertujuan bagi meneroka dan memberi peluang kepada responden untuk berkongsi maklumat secara lebih santai.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini akan menjawab dan mengupas persoalan kajian yang dikemukakan berdasarkan metodologi kajian seiring dengan bab kajian yang telah dipilih. Tarian Zapin Raub merupakan sebuah seni tarian tradisional di negeri Pahang khususnya dipersembahkan di daerah Raub. Berdasarkan kajian ini, sejarah dan asal-usul Tarian Zapin Raub adalah merupakan objektif utama dalam mendalami seni persembahan ini dengan lebih mendalam. Selain itu, di dalam kajian yang dijalankan ini objektifnya juga adalah mengenai perbezaan di antara tarian zapin Raub dan zapin Johor. Bagi lebih mendalami kajian ini, sebuah analisis telah dilakukan mengenai keistimewaan gerak seni tari dalam Tarian Zapin Raub ini.

Kebanyakannya maklumat-maklumat yang diperolehi adalah merupakan hasil daripada temubual secara atas talian dengan pewaris seni persembahan tradisional Tarian Zapin Raub ini iaitu Encik Hamzah Alias atau lebih dikenali sebagai Tok Mezah. Beliau merupakan pelopor dan penggerak bagi memelihara dan memperkenalkan Tarian Zapin Raub ini kepada masyarakat di dalam dan di luar dari negeri Pahang. Selain itu, beberapa buah buku dan jurnal-jurnal yang diguna pakai sebagai maklumat tambahan bagi merungkai dan menyokong persoalan-persoalan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan. Di dalam konteks dapatan kajian ini, metod rakaman digunakan dalam mencatat data-data yang diterima dan merekod sepanjang proses temubual tersebut dijalankan.

4.2 Hasil daripada Temubual

4.2.1 Latar Belakang Informan

Di dalam kajian ini, pengkaji telah bertanya tentang perkara-perkara yang berkaitan latar belakang responden sebagai contoh nama, asal, umur, pendidikan dan pekerjaan beliau selain menjadi pengamal seni persembahan bagi tarian zapin ini. Seorang pengamal telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkaitan tarian zapin ini. Informan ini mempunyai kemahiran dan pengalaman lebih dari 10 tahun di dalam selok-belok seni persembahan Tarian Zapin Raub dan mempunyai latar belakang yang kukuh dalam menjawab persoalan-persoalan yang diberi oleh pengkaji. Tujuan bagi mengetahui tentang latar belakang informan adalah bagi memastikan segala maklumat yang disampaikan olehnya adalah benar dan mendapatkan maklumat tentang sejarah asal-usul zapin dan juga isu yang bakal diketengahkan di dalam kajian Tarian zapin Raub ini agar tidak berlaku maklumat yang tidak lengkap berkaitan seni persembahan ini. Oleh itu, penting untuk pengkaji mengetahui tentang latar belakang informan. Responden yang pengkaji temu bual adalah merupakan pewaris tarian ini yang berumur dalam lingkungan 78 tahun dan juga seorang penari tarian Zapin Raub yang berumur 25 tahun.

4.2.1.1 Informan 1

Informan ini telah lahir pada tahun 1943 yang berumur dalam lingkungan 79 tahun pada tahun ini. Nama beliau merupakan Hamzah Bin Alias atau lebih mesra dipanggil dengan gelaran Tok Mezah. Beliau berasal dari Kg. Durian Sebatang, Raub, Pahang dan sekarang telah menetap di Felda Tersang 2, Raub, Pahang. Beliau merupakan seorang peneroka Felda di Tersang 2 selama 25 tahun. Menurut beliau kecintaan dan minat dengan

lagu-lagu dan tarian-tarian warisan ini merupakan salah sebuah faktor terjadinya beliau menjadi pewaris kepada tarian Zapin Raub ini, beliau telah berkecimpung di dalam dunia Tarian Zapin Raub ini sejak beliau berusia 15 tahun oleh kerana ayahanda kepada Encik Hamzah iaitu Allahyarham Encik Alias merupakan pengasas dan guru kepada tarian tradisional Zapin Raub ini. Beliau mempelajari tarian ini dan mewarisi ragam-ragam yang terdapat di dalam tarian ini adalah merupakan secara praktikal dan juga secara lisan daripada Allahyarham bapanya iaitu Encik Alias Bin Gek. Kini beliau merupakan pewaris kepada tarian ini dan perintisnya merupakan golongan anak muda yang sekolah berhampiran dengan Felda Tersang 2 tersebut. Pengkaji juga mendapati Tok Mezah merupakan sumber primer di dalam kajian ini, hal ini adalah kerana persoalan-persoalan yang diberi oleh pengkaji dalam kajian tarian Zapin Raub ini lengkap dan bertepatan dengan proses temubual secara atas talian bersama Tok Mezah dalam memperkukuhkan lagi kajian ini. Pengkaji mendapati Tok Mezah masih boleh mengajar dan menari tarian ini tetapi tidak berapa cergas seperti dahulu, beliau juga boleh menjawab persoalan yang diajukan oleh pengkaji dengan baik.



Gambarajah 4.2.1.1: Encik Hamzah Bin Alias

Sumber: Facebook

4.2.1.2 Informan 2

Informan yang kedua ini merupakan seorang penari tarian Zapin Raub ini iaitu Siti Zulaika Binti Mohd Fauzi. Beliau berumur 25 tahun dan berasal dari Kampung Felda Tersang 2, Raub, Pahang Darul Makmur. Beliau sekarang merupakan seorang mahasiswi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Puncak Perdana dalam bidang Diploma Teknologi Kreatif (Pengurusan Seni). Pengalaman beliau di dalam seni persembahan Tarian Zapin Raub ini kira-kira 14 tahun lamanya. Beliau merupakan anak didik kepada Tok Mezah dan mempelajari seni persembahan Tarian Zapin Raub ini dari umurnya 10 tahun lagi. Zulaika atau lebih mesra dengan panggilan Ika merupakan penari dari sekolah Sk Tersang 3 yang mula diajar dan diasuh oleh Tok Mezah. Beliau merupakan salah seorang perintis atau pelapis bagi tarian Zapin Raub ini. Sekitar tahun 2016 kumpulan Tarian Zapin ini telah membuat persembahan di Putrajaya bersempena dengan Hari Belia Sukan Negara dan membuat persembahan di Kompleks Rakan Muda Dong, Raub.



Gambarajah 4.2.1.2: Siti Zulaika Binti Md Fauzi

Sumber: Facebook

4.2.2 Sejarah dan Asal-usul tarian Zapin Raub?

4.2.2.1 Informan 1

Menurut kisah yang diceritakan oleh Tok Mezah (Encik Hamzah Alias), tarian Zapin Raub ini muncul apabila salah seorang penduduk kampung yang telah berpindah ke kampung tersebut dari negeri Selangor dan beliau telah membawa tarian tersebut lalu telah mengajarkan tarian ini kepada Allahyarham ayahanda kepada Tok Mezah iaitu Encik Alias Bin Gek. Tahun kemasukan tarian ini ke Pahang tidak mempunyai rekod yang jelas dan hanya menjadi buah mulut sahaja. Pada zaman dahulu mereka membuat latihan bagi tarian ini di bangsal atau di pondok sahaja dan sekarang pula beliau membuat latihan sama ada di rumahnya atau di kedai miliknya. Antara alat muzik yang digunakan pada zaman dahulu adalah gambus, biola dan juga marwas. Tok Mezah juga ada mengatakan bahawa pada zaman dahulu tarian zapin ini tiada lagu yang khas yang digunakan, antara lagu-lagu pilihan yang digunakan adalah lagu Anak Ayam dan lagu Lanchang Kuning, kini hanya sebuah lagu khas sahaja yang digunakan untuk tarian ini iaitu Lagu Zapin Raub yang dibuat oleh Badarzman Jusoh dan penyanyinya adalah Saidin Islah. Tarian ini tiada pengubahsuaian dari segi tarian tetapi mempunyai perubahan dari segi pola lantai. Menurut Tok Mezah lagi tarian ini berasal dari kampung jadi tarian zapin ini kebiasaannya akan dipersembahkan ketika berlangsungnya majlis perkahwinan, majlis-majlis keramaian atau majlis-majlis diraja. Oleh kerana ketika majlis tersebut berlangsung dan tempatnya tidak berapa luas jadi pergerakan di dalam tarian ini lemah gemalai, lembut dan tiada aksi lompat yang tinggi seperti Zapin Johor dan zapin-zapin yang lain oleh kerana menghormati pengantin, walaupun ia hanya digelar raja sehari tetapi mereka masih dianggap sebagai raja dan perlu menghormatinya. Jadi identiti kepada tarian ini adalah lemah-lembut dan gemalai. Asal bagi nama tarian Zapin Raub ini adalah Zapin Durian Sebatang tetapi oleh kerana ingin mempromosikan nama daerah

bagi kampung tersebut maka ia telah diberi nama yang baru iaitu Zapin Raub dan sehingga kini nama tersebut telah digunakan dan dikenali masyarakat. Penari bagi zapin ini pada ketika dahulu hanya lelaki tetapi kini kebanyakan penari adalah kaum perempuan oleh kerana kaum lelaki kurang berminat untuk menyertai tarian zapin ini.

Menurut Tok Mezah ini juga, perintis-perintis atau pelapis-pelapis bagi tarian ini seramai 40 hingga ke 50 orang oleh kerana beliau juga melatih pelajar-pelajar di sekolah Felda Tersang 3. Seterusnya pengkaji telah bertanyakan tentang soalan adakah tarian ini mempunyai kaitan dengan amalan zikir atau tarekat? Oleh kerana tarian zapin ini datangnya dari negara Arab. Beliau menjawab dan menegaskan bahawa di dalam tarian ini tiada unsur-unsur zikir atau tarekat. Tarian Zapin Raub ini hanya merupakan sebuah tarian khas bagi majlis perkahwinan, keramaian atau majlis-majlis diraja. Tok Mezah juga mengatakan bahawa tarian Zapin Raub dan tarian Zapin Johor mempunyai perbezaan oleh kerana ia mempunyai identiti-identitinya yang tersendiri dan gerak seni tari di dalam dua tarian ini berbeza. Pengkaji juga menyatakan bahawa pengkajian di dalam tarian tradisional Zapin Raub negeri Pahang ini seharusnya dikaji dengan lebih mendalam sebagai contoh membuat kajian budaya di Johor bagi membuat perbandingan di dalam aspek kajian yang telah diketengahkan. Walaubagaimanapun, batasan bagi kajian yang dibuat ini hanya setakat di Felda Tersang 2, Raub Pahang sahaja. Tok Mezah amat bersetuju dan menyokong andai ada yang membuat penyelidikan dan pengkajian yang

lebih serius dan mendalam mengenai tarian Zapin Raub tradisional ini perlu dilakukan secara berterusan dan menemui jawapan dan kesahihan yang sewajarnya bagi tarian ini.



Gambarajah 4.2.2.1: Tarian Zapin Raub

Sumber: Facebook

4.2.2.2 Informan 2

Berdasarkan temubual bersama Siti Zulaika Binti Md Fauzi mengenai persoalan sejarah dan asal-usul Tarian Zapin Raub ini tidak banyak yang dapat diceritakan oleh beliau dengan lebih mendalam mengenai tarian ini. Hal ini disebabkan oleh kisah dan sejarah tarian Zapin Raub ini diperturunkan dengan kaedah lisan sahaja, catatan dan perekodan yang berbentuk ilmiah dan kajian yang lebih mendalam masih kurang. Beliau mengetahui tentang sejarah dan kisah-kisah tentang tarian ini hanya melalui lisan daripada Tok Mezah sendiri. Beliau juga amat menyokong bahawa kajian secara ilmiah

ini dapat dilakukan dengan lebih terperinci dan mendalam agar dapat membantu memperkembangkan lagi keunikan, keistimewaan dan salasilah tarian Zapin Raub ini.

4.2.3 Perbezaan di Antara Zapin Johor dan Zapin Raub.

4.2.3.1 Informan 1

Menurut pewaris tarian Zapin Raub ini iaitu Tok Mezah mengatakan bahawa Zapin Johor dan Zapin Raub adalah tidak sama dari segi gerak tari, busana dan jenis-jenis lagu yang digunakan untuk persembahan yang akan dilakukan. Dari segi gerak tari bagi Tarian zapin Raub ini mempunyai tujuh langkah iaitu yang pertama adalah sembah tari hormat tamu, teng-teng, bunga-bunga, sendeng memikat, rentak kuda dan yang terakhir adalah gerak jadi tak jadi. Manakala bagi tarian zapin Johor pula mempunyai tujuh langkah gerak tari juga iaitu Taksim, Les, Ragam (Gerak asas, Gerak Pular Belanak Besar dan Gerak Tapak), Kopak dan Wainab. Setiap gerak tari mempunyai maknanya yang tersendiri. Pakaian selain dari berfungsi untuk pelindung tubuh dari cuaca sejuk dan panas dan sebagai penutup aurat, ia juga menyerlahkan lambang yang membawa maknanya yang tersendiri. Lambang tersebut mewujudkan nilai-nilai yang dijunjung tinggi oleh masyarakat. Dengan sebatinya lambang-lambang budaya dan pakaian, peranan dan kedudukan, pakaian menjadi sebuah hal yang mustahak di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pelbagai ketentuan adat yang mengatur tentang warna, penggunaan pakaian, bentuk, corak atau motif dan lain-lain. Ketentuan adat ini telah diwujudkan bagi mendidik peribadi si pemakai. Pakaian Melayu dari hujung rambut ke hujung kaki mempunyai makna yang tersendiri. Dapat dilihat pada baju Melayu Cekak Musang mempunyai lima butang baju yang bermaksud lima Rukun Islam yang perlu dipatuhi oleh umat Islam. Baju Melayu Teluk Belanga pula mempunyai sebiji butang baju yang membawa makna hanya

Allah yang wajib disembah dan tiada yang lain yang wajib disembah iaitu bagi umat Islam. Cucuk sanggul pula dikatakan lambang pertahanan diri bagi wanita. Manakala keronsang-keronsang yang di pin pada baju penari adalah bagi memperlihatkan darjat seseorang. Dari segi pemakaian atau busana untuk Zapin Raub adalah bagi penari perempuan mereka akan berbaju kurung tetapi kain ditukar kepada seluar bagi memudahkan penari untuk menari, bertudung, bersampin dan memakai aksesori seperti dokoh. Bagi penari lelaki pula mereka berbaju melayu cekak musang, bersongkok dan bersampin. Bagi busana Zapin Johor pula untuk penari perempuan mereka berbaju kurung teluk belanga yang dikancing dengan butang emas atau suasa, berkain sampin dan aksesori adalah memakai cucuk sanggul dan juga dokoh. Untuk penari lelaki pula kebiasaannya mereka akan memakai baju melayu jenis teluk belanga, bersampin dan juga bersongkok. Alat muzik yang digunakan untuk tarian Zapin Raub ini hanya sedikit iaitu dengan menggunakan gambus, biola dan juga marwas tidak seperti tarian Zapin Johor yang lebih banyak menggunakan alatan muzik seperti gambus, violin, harmonium dan juga akordion. Lagu yang sering digunakan pada zaman dahulu bagi Zapin Raub adalah Lanchang Kuning dan Anak Ayam tetapi sekarang hanya satu lagu sahaja yang digunakan iaitu Lagu Zapin Raub. Manakala bagi Zapin Johor sangat banyak lagu yang digunakan oleh kerana mereka mempunyai banyak jenis tarian Zapin. Antara lagu-lagu yang mereka gunakan adalah Naamsidi, Yaladan, Pantun Budi, Gambus Palembang, Sireh Pinang dan pelbagai jenis lagu lagi yang digunakan.

Jadual 4.2.3. 1 Perbandingan di antara Zapin Johor dan Zapin Raub

Perbezaan	Zapin Johor	Zapin Raub
Gerak seni tari	<p data-bbox="469 360 592 394">1.Taksim</p>  	<p data-bbox="963 360 1145 394">1.Sembah tari</p> 

2.Les



2.Hormat tamu



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.Ragam (Gerak Asas)





3.Teng-teng



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FIKKW

4.Ragam (Gerak Tapak)





4.Bunga-bunga



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKWW


5.Ragam (Gerak Pusing Belanak Besar)



5.Sendeng Memikat



6.Kopak




6.Rentak Kuda



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FITKWW

7.Wainab



Gambarajah 1 (a)






Sumber: Youtube (Cikgu Sany Channel)

7.Jadi Tak Jadi



Gambarajah 1 (b)

Sumber: Page Facebook (Menarik di Raub)

<p>Busana</p>	 <p>Gambarajah 2 (a) Sumber: Google</p>	 <p>Gambarajah 2 (b) Sumber: Page Facebook (Menarik di Raub)</p>
<p>Alatan muzik</p>	 <p>Gambus</p>	 <p>Gambus</p>  <p>Biola</p>



Biola



Akordion



Harmonium

Gambarajah 3 (a)

Sumber: Google



Marwas

Gambarajah 3 (b)

Sumber: Google

4.2.3.2 Informan 2

Kelebihan yang ada pada Siti Zulaika Binti Md Fauzi sebagai salah seorang informan pengkaji adalah berdasarkan pengalamannya dalam bidang tarian Zapin Raub ini. Menurut beliau, perbezaan yang dapat dilihat di dalam tarian Zapin Johor dan Zapin

Raub ini dapat dibezakan dengan jelas mengenai perbezaan gerak tari setiap tarian ini. Hal ini dapat dibezakan melalui posisi badan, bentuk tarian dan juga ketangkasan dalam tarian ini. Menurut beliau tarin Zapin Raub lebih lemah gemalai gerak tarinya berbanding dengan Zapin Johor yang lebih tangkas dan laju gerak tarinya. Perbezaan kedua adalah dari segi busana yang dipakai oleh kedua-dua tarian ini amat berbeza oleh kerana negeri yang berbeza dan budayanya yang berbeza merupakan salah satu faktor. Alatan muziknya juga mempunyai perbezaan oleh kerana alatan muzik bagi Zapin Raub lebih sedikit berbanding dengan Zapin Johor yang menggunakan harmonium dan juga akordion.

4.2.4 Keistimewaan gerak tari tarian Zapin Raub

4.2.4.1 Informan 1

Tok Mezah menyatakan kepada pengkaji bahawa gerak tari di dalam tarian Zapin Raub ini mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Hal ini kerana gerak tarinya yang lemah lembut atau lemah gemalai dapat memukau hati para penonton yang melihatnya. Terdapat tujuh langkah di dalam gerak tari bagi tarian yang menyeronokkan ini iaitu yang pertama adalah Sembah Tari, Hormat Tamu, Teng-Teng, Bunga-Bunga, Sendeng Memikat, Rentak Kuda dan yang terakhir adalah gerak tari Jadi Tak Jadi. Setiap gerak tari ini mempunyai maksudnya yang tersirat dan yang tersendiri. Di bawah merupakan rujukan bagi gerak tari bagi tarian yang lemah gemalai dan lembut ini.

1. Sembah Tari adalah gerak tari yang bertujuan untuk pembuka tarian.



Gambarajah 4.2.4.1(a)

Sumber: Facebook

2. Hormat Tamu pula bertujuan bagi menghormati tetamu yang berada di majlis iaitu yang berada di hadapan dan di belakang.



Gambarajah 4.2.4.1 (b)

Sumber: Facebook

MALAYSIA
KELANTAN

3. Teng-teng merupakan gerak tari yang mengingati suasana kampung yang gembira iaitu permainan tradisional masyarakat Melayu pada zaman dahulu.



Gambarajah 4.2.4.1 (c)

Sumber: Facebook

4. Bunga-bunga adalah langkah gerak tari yang amat sukar berbanding gerak tari yang lain.



Gambarajah 4.2.4.1 (d)

Sumber: Facebook

5. Sendeng Memikat, pada zaman dahulu tarian zapin ini ditarikan oleh penari lelaki sahaja, jadi gerak tari ini adalah bertujuan seperti ingin memikat anak gadis kampung yang tidak berkahwin lagi.



Gambarajah 4.2.4.1 (e)

Sumber: Facebook

6. Rentak kuda, gerak tari yang melompat tetapi tidak terlalu tinggi.



Gambarajah 4.2.4.1 (f)

Sumber: Facebook

7. Jadi Tak Jadi adalah sebuah gerak tari yang seperti ingin mengacah iaitu seperti jadi atau tidak jadi ingin ke hadapan atau ke belakang.



Gambarajah 4.2.4.1 (g)

Sumber: Facebook

4.2.4.2 Informan 2

Menurut Siti Zulaika, beliau menyatakan bahawa tarian Zapin Raub ini mempunyai gerak tari dan makna yang menarik berdasarkan pergerakannya, pola lantai dan lain-lain. Beliau yakin tarian ini dapat pergi jauh ke hadapan dan dapat dikenali oleh orang ramai terutamanya masyarakat di negeri Pahang oleh kerana ia merupakan khazanah warisan tradisional yang unik dan istimewa untuk ditonton oleh orang ramai. Beliau berharap agar tarian ini akan dikenali di seluruh negeri seperti orang ramai mengenali tarian Zapin yang popular iaitu di neger Johor. Tarian yang lemah gemalai ini diharapkan dapat menarik minat masyarakat di luar sana terutamanya golongan anak muda

yang bakal menjadi perintis atau pelapis yang akan mewarisi warisan di negara kita iaitu di Malaysia ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKW

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Masyarakat di negeri Pahang mempunyai pelbagai jenis Tarian yang berbeza dan juga unik. Masyarakat di negeri Pahang mempunyai Tarian yang berbeza-beza mengikut agama, budaya dan juga adat bagi sesuatu masyarakat setempat. Masyarakat di negeri Pahang ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat antaranya Melayu, India dan juga Cina. Tarian adalah sebahagian daripada seni yang berbentuk ekspresi yang mempunyai banyak fungsinya. Bagaimanapun, fungsi-fungsi ini telah berubah mengikut peredaran zaman. Hal ini adalah kerana masyarakat telah mengalami perubahan dari segi cara hidup yang Secara tidak langsung turut mengubah pandangan mereka terhadap kesenian dan juga tarian.

Tarian mempunyai peranannya yang tersendiri dalam memenuhi keperluan sesebuah masyarakat. Tarian bukan sahaja berfungsi sebagai sebuah hiburan semata-mata tetapi ianya juga mempunyai nilai komunikasi. Melalui tarian juga sebenarnya dapat mengenali sesebuah bangsa yang lain oleh kerana manusia lebih cenderung mewujudkan sebuah gerak tari yang dipengaruhi oleh keadaan sekeliling dan juga norma kehidupan mereka sendiri di dalam tradisi tarian mereka. (Curt Sachs, 1937) dan (Russel Meriwether Hughes, 1977). Fungsi tarian bukan sahaja terdiri dari aspek keagamaan, ritual, aktiviti rekreasi disamping memberi nilai estetik, kesan psikologi dan juga gambaran mengenai kegiatan ekonomi. Tarian juga dapat memberi gambaran cara hidup sesebuah masyarakat.

Corak kehidupan seharian, keadaan alam persekitaran, asal-usul dan faktor sejarah sesebuah masyarakat juga sering dijadikan motif untuk sesebuah seni tari wujud. Oleh itu, secara tidak langsung gambaran yang dipamerkan di dalam tarian itu adalah merupakan tentang masyarakat yang menciptanya.

5.2 Cadangan

Di dalam bab ini, setiap kajian yang dijalankan mestilah mempunyai peningkatan atau perubahan untuk memastikan maklumat yang diperolehi menjadi lebih menarik, lebih tersusun dan lebih banyak maklumat baru yang dapat dikongsikan. Setiap kajian harus mempunyai kajian yang mampu untuk mengatasi masalah yang ada bagi memastikan ia dapat diselesaikan dengan baik. Selain itu, setipa masalah yang dihadapi harus diselesaikan bagi memastikan objektif kajian yang dijalankan dapat dicapai dan dapat menyelesaikan permasalahan kajian. Oleh itu, cadangan merupakan aspek yang penting bagi memastikan kajian yang akan datang dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin.

5.2.1 Memperluaskan kawasan kajian

Pengkaji berharap dapat memperluaskan kawasan kajian yang tidak tertumpu pada msayarakat di negeri Pahang sahaja sebaliknya masyarakat luar dari negeri Pahang. Skop kawasan kajian ini hanya dilakukan di negeri Pahang terutama di daerah Raub sahaja, pengkaji berharap dapat melakukan kajian pada masyarakat Melayu di Johor, Singapura dan Indonesia bagi mendapatkan maklumat yang banyak dan mencari lebih banyak perbezaan tarian zapin di sana.

5.2.2 Pengaruh Media Massa

Pada masa kini perubahan teknologi semakin pesat membangun dan lebih moden disebabkan oleh pemikiran masyarakat yang semakin maju ke hadapan. Pelbagai

ETKMW

teknologi moden telah menembusi ke pasaran pada setiap hari oleh kerana persaingan yang terlalu sengit bagi memenangi hati pengguna. Pengaruh media massa pada zaman kini amat penting bagi mempromosikan sesebuah produk kepada pengguna. Pengkaji berharap dapat menggunakan kemudahan teknologi masa kini untuk mempromosikan seni persembahan tarian Zapin ini khususnya di media massa seperti di televisyen, Youtube, Instagram, Tiktok, Internet dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, IPTA mahupun IPTS. Sebagai contoh, pengkaji mencadangkan pihak JKKN membuat persembahan tarian ini dan diajarkan kepada murid sekolah atau pelajar universiti dan memuatnaik di saluran Youtube, Facebook dan pelbagai platform yang berguna lagi. Ini akan menimbulkan minat dan kesedaran masyarakat untuk lebih mendapat pendedahan dan mendekati diri dengan seni persembahan ini.

5.2.3 Mengadakan seminar atau bengkel

Pada masa kini, kita dapat melihat pengamal-pengamal seni persembahan tarian Zapin Raub ini semakin berkurangan dan di atas faktor usia yang semakin tua. Masalah ini yang boleh mendatangkan kepupusan bagi seni persembahan seperti ini. Tambahan pula penggiat seni ini perlu mempunyai pelapis atau pengganti dari golongan anak muda bagi memastikan seni tarian tradisional Zapin Raub ini semakin berkembang dan dikenali ramai. Pengkaji berharap pihak kerajaan memainkan peranannya yang penting khususnya Jabatan Kesenian dan Kebudayaan (JKKN) memastikan seni persembahan Melayu ini dapat dipupuk dan dipelihara oleh generasi yang akan datang. Pihak kerajaan perlu menyediakan tempat yang betul dan bersesuaian bagi generasi muda mempelajari seni persembahan ini khususnya tentang bentuk tarian ini. Seminar mengenai tarian zapin ini harus divariasi dan dipelbagaikan lagi bagi menarik minat golongan muda untuk

menyertai dan mempelajari. Tambahan juga pengamal-pengamal seni persembahan ini kebanyakannya mempunyai kekangan kewangan atau modal bagi membuat seminar sendiri. Pihak kerajaan perlu memberi peruntukan dana kepada penggiat-penggiat seni ini agar mereka dapat melaksanakan seminar atau bengkel bagi berkongsi pengalaman dan ilmu mereka kepada golongan-golongan anak muda. Tambahan pula, faktor kewangan menjadi masalah utama kepada penggiat seni tarian ini maka pihak kerajaan perlu menyediakan dan kepada penggiat sebagai sebuah tanda penghargaan bagi memeperjuangkan seni persembahan tradisional ini. Di samping itu, perlu menyediakan bengkel tarian yang khusus bagi tarian Zapin Raub ini agar dapat menambah minat dan ilmu pengetahuan yang baru bagi golongan muda yang mewarisinya.

5.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, setelah menjalankan kajian tentang sejarah dan keistimewaan gerak tari tarian ini, pengkaji dapat mengetahui maklumat yang lebih terperinci tentang makna disebalik gerak tari tarian ini. Tarian Zapin Raub ini juga dikatakan sangat sinonim dengan masyarakat di negeri Pahang khususnya di daerah Raub. Seni persembahan Melayu tradisional yang terdapat di setiap daerah di negeri kita merupakan sebuah seni warisan yang mempunyai nilai yang amat tinggi. Tambahan pula, seni warisan Melayu ini juga merupakan identiti bagi sesebuah masyarakat di suatu tempat. Seni persembahan ini merupakan perbezaan dari segi adat, budaya dan agama kita dengan bangsa-bangsa yang lain.

Hasil daripada kajian ini dijalankan mendapati bahawa tarian Zapin Raub ini mempunyai keseniannya yang unik dan tinggi. Berdasarkan temubual bersama informan mendapati bahawa tarian Zapin Raub dan Zapin Johor mempunyai perbezaan yang ketara

dari segi penggunaan pola lantai, instrumen dan lagu yang digunakan dan juga dari sudut pemakaian busana. Malahan makna setiap gerak tari dalam tarian ini juga mempunyai maknanya yang tersendiri.

Selain itu, objektif kajian ini dijalankan adalah bagi mengetahui tentang asal-usul sejarah tarian Zapin Raub dan perbezaan di antara Zapin Raub dan juga Zapin Johor serta keistimewaan gerak tari tarian Zapin Raub. Justeru itu, pengkaji telah memperoleh maklumat hasil daripada proses pembacaan di perpustakaan dan di internet serta kaedah temubual bersama informan. Pengkaji mendapati bahawa seni persembahan tradisional negeri Pahang ini hampir pupus oleh kerana kekurangan perintis atau pelapis daripada golongan anak muda yang ingin mempelajari tarian tradisional yang unik khususnya tentang bentuk tarian dan kesenian gerak tari tarian ini. Selain itu, hasil dari penyelidikan dalam mencari maklumat yang berkaitan tarian tradisional ini didapati bahawa wujudnya permasalahan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini sendiri. Pengkaji mendapati bahawa golongan anak muda pada masa kini tidak berminat untuk mempelajari dan mengetahui tentang tarian tradisional, mereka lebih meminati tarian moden disebabkan oleh peredaran zaman. Oleh itu, pengkaji berhasrat untuk membuat dokumentasi tentang tarian tradisional negeri Pahang ini dan memuatnaik ke dalam sosial media seperti Youtube bagi Tujuan pendedahan kepada golongan pelapis yang berminat atau ingin mengkaji tentang tarian yang unik ini. Hasil dari pnyelidikan ini juga pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah bagi mencari maklumat secara telus dan terperinci. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif bagi mencari maklumat yang diperlukan. Antara kaedah yang digunakan adalah dengan mencari buku, jurnal dan juga temubual. Kesemua kaedah ini digunakan untuk mencari maklumat yang diperlukan dan bagi mendapatkan jawapan yang tepat. Kedah temubual amat diperlukan bagi pengkaji turut merasai pengalaman mencari kemahiran tentang kesenian persembahan tarian Zapin

Raub ini. Oleh itu, kaedah kajian ini meliputi keseluruhan kajian iaitu bagaimana untuk kite memperolehi maklumat dengan betul dan juga tepat.

Kesimpulannya, seni persembahan tarian Zapin Raub ini mempunyai nilai yang amat berharga dan tinggi kepada warisan di negara kita iaitu di Malaysia ini. Golongan belia atau anak muda harus sedar akan kepentingan dalam menjaga seni persembahan tradisional ini untuk dijadikan identiti orang melayu dan menjadi produk pelancongan di negara kita. Seni persembahan ini harus dipelajari khususnya tentang bentuk gerak tari ini. Pengkaji berharap agar kajian yang dijalankan ini mempunyai manfaat kepada diri pengkaji sendiri dan masyarakat untuk turut sama mempelajari keunikan seni tarian Zapin Raub ini. Hasil kajian ini pengkaji berharap agar mencapai objektif kajian untuk mengetahui sejarah asal-usul seni persembahan ini dan dapat diperkembangkan lagi kepada generasi yang akan datang.

Rujukan

Buku

- Anthony Shay, (1971). The function of Dance in Human Society: An Approach Using Context (Dance Event) not content (Movements and Gestures) for Training Dance as Anthro-pological Data. (ms 79). California State College, Los Angeles.
- Kamus dewan. (4th ed.). (1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=zapin>
- Mahdzan Ayob. (2007). Kaedah Penyelidikan ekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Anis Md Nor. (1993). Zapin: Folk Dance of the Malay World. (ms 20-21, 26). Singapore: Oxford University Press.
- Mohd Anis Md Nor. (1998). The Dance of Asean. Zainal Abidin Tinggal (general ed). (ms 97). Brunei Darussalam, The Secretary General of Asean.
- Mohd Aris Hj. Othman. (1983) The Dynamics of Malay Identity. (ms 23-25). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimidin Zahari. (2011). Perahu Fansuri. Sindiket Sol-jah.
- Rahmah Bujang. (1996). Pengalaman Drama Noh di Jepun. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Russel Meriwether Hughes. (1977). The Anthropology of Dance: Fitzhenry& Whiteside Limited, Ontario.
- Sachs, Curt. (1937). World History of Dance: Allen and Unwin, New York.

Tengku Luckman Sinar. (1997). Pengantar Etnomusikologi dan Tarian Melayu, Medan:
Percetakan Perwira.

Temubual

Temubual melalui telefon bersama Encik Hamzah Bin Alias pada 28 Januari 2022.

Temubual melalui telefon bersama Cik Siti Zulaika Binti Md Fauzi pada 28 Januari 2022.

Youtube

Cikgu Sany. (2021). Tutorial Zapin Melayu Johor.

<https://www.youtube.com/watch?v=OB3OZ2fJEO>

LAMPIRAN A

TRANSKRIP TEMUBUAL RESPONDEN

RESPONDEN 1:

Encik Hamzah Bin Alias, pewaris tarian Zapin Raub.

Tempat : Temubual secara *video call*

Hari : Jumaat/ 28 Januari 2022

Masa : 2.30 – 3.30 petang

P : Assalamualaikum Encik Hamzah, Selamat Petang, maaf mengganggu.

R1 : Waalaikumsalam Warahmatullah, ya Selamat Petang juga, eh takpelah saya dah biasa.

P : Apa khabar Encik, apa saya nak panggil Encik ni ya?

R1 : Alhamdulillah sihat, biasa orang panggil Tok Mezah, boleh panggil saya Tok Mezah.

P : Okay baiklah Tok Mezah, boleh saya mulakan temubual kita?


R1 : ya boleh, silakan.

P : Boleh Tok perkenalkan diri Tok secara ringkas?


R1 : Baiklah nama saya Hamzah Bin Alias. Lahir pada tahun 1943, Lahir di Kg. Durian Sebatang, Raub dan sekarang menetap di Felda Tersang 2. Bekerja sebagai peneroka FELDA.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW



UNIVERSITI


MALAYSIA

KELANTAN


FTKWW



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW